



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PROGRAM GERAK INTEGRASI PERPADUAN (GRIP)
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026**

22 OGOS 2026 (SABTU)

8.00 MALAM

**UITM CAWANGAN SABAH,
KOTA KINABALU**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh,
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

**Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia** atas kerjasama dan komitmen dalam mendukung pelaksanaan Gerak Integrasi Perpaduan atau GRIP, khususnya dalam memperkukuh usaha pendidikan perpaduan dalam kalangan murid sekolah.
2. Saya dimaklumkan bahawa pengumuman **GRIP Peringkat Kebangsaan Tahun 2026** yang berlangsung dari 20 hingga 23 Ogos 2026 menghimpunkan seramai 200 orang murid sekolah menengah daripada pelbagai etnik dan latar belakang yang mewakili seluruh negara.

GRIP: TIGA KLUSTER, SATU MATLAMAT

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. GRIP dilaksanakan sebagai salah satu wadah untuk **membina kefahaman, memperkukuh hubungan silang**

budaya, menyemai semangat kenegaraan serta membentuk generasi muda yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab terhadap perpaduan negara.

4. Pelaksanaan GRIP memberikan tumpuan kepada **tiga kluster utama, iaitu Kluster Kenegaraan, Kluster Budaya dan Adat Resam serta Kluster Nilai-Nilai Murni: Sivik dan Moral**. Ketiga-tiga kluster ini mempunyai peranan yang saling melengkapi.
5. **Kluster Kenegaraan** membantu murid memahami siapa kita sebagai rakyat Malaysia. Ia memberikan penekanan kepada **Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan, sejarah pembentukan Malaysia, identiti nasional serta hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.**
6. **Kluster Budaya dan Adat Resam** membantu murid memahami siapa rakan-rakan kita. Melalui seni, pakaian, makanan, warisan, permainan dan persembahan budaya, peserta diberi ruang untuk **mengenali dan menerima keunikan masyarakat Malaysia.**
7. Manakala **Kluster Nilai-Nilai Murni** membentuk bagaimana kita seharusnya bertindak dan hidup bersama. Ia menekankan **tanggungjawab, empati, komunikasi berhemah, keprihatinan, kerjasama dan nilai sivik** dalam kehidupan di sekolah serta komuniti.

8. Sepanjang 2026, siri GRIP melibatkan murid sekolah rendah dan menengah dengan pelaksanaan di **Sabah, Kedah, Johor, Terengganu, Selangor dan Sarawak**. Setiap siri memberi ruang kepada peserta daripada pelbagai latar belakang untuk belajar, berinteraksi dan membina hubungan melalui pengalaman bersama.
9. Saya juga ingin mengumumkan bahawa pada tahun depan Kementerian Perpaduan Negara akan memperluaskan GRIP melalui **GRIP @ Prasekolah, GRIP @ Murid dan GRIP @ Komuniti**. Pendekatan ini membolehkan nilai perpaduan diterapkan sejak usia awal, diperkukuh dalam kalangan pelajar dan seterusnya diperluaskan kepada masyarakat termasuk pemimpin komuniti pelbagai etnik dan agama. Kesemua usaha ini selari dengan mandat Kementerian Perpaduan Negara dalam RMK13.
10. Sempena majlis ini juga, Kementerian Perpaduan Negara menerusi JPNIN akan melancarkan **Buku Panduan Pelaksanaan Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Murid Sekolah**. Buku panduan ini disediakan sebagai rujukan rasmi kepada pentadbir sekolah, guru dan fasilitator di seluruh negara, bagi memastikan pelaksanaan GRIP dapat diteruskan secara sistematik dan berimpak di setiap sekolah pada masa hadapan.

SEKOLAH SEBAGAI TAPAK INTEGRASI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Seperti seruan **YAB Perdana Menteri**, penghayatan **Rukun Negara dalam kalangan generasi muda perlu terus diperkasakan**. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan memperkukuh peranan **Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah** supaya ia menjadi platform yang lebih aktif dalam menyemai kefahaman terhadap lima prinsip Rukun Negara, semangat patriotisme, kenegaraan serta nilai kebersamaan. Rukun Negara perlu dibawa lebih dekat dengan kehidupan generasi muda supaya ia bukan sekadar dilafazkan, tetapi difahami, dihayati dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian.
12. Generasi muda terus menjadi antara fokus utama Kerajaan dalam agenda perpaduan kerana merekalah yang sedang membentuk wajah Malaysia masa hadapan. Dalam era digital dan media sosial yang pantas, kita mahu melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi mempunyai **jati diri nasional yang kukuh, memahami Perlembagaan Persekutuan, menghayati Rukun Negara, menghargai kepelbagaian serta mampu berinteraksi dan mengurus perbezaan secara matang dan berhemah**.

13. Usaha ini turut diperkukuh melalui **Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP)** yang menyediakan ruang interaksi dan pengalaman silang budaya, manakala **Indeks Perpaduan Sekolah** membantu kita melihat tahap integrasi dan hubungan dalam kalangan murid.
14. Kesemua usaha ini saling melengkapi dalam membina ekosistem sekolah yang menjadi medan sebenar perpaduan, tempat generasi muda belajar untuk mengenali, memahami dan menghormati antara satu sama lain, sekali gus meletakkan asas kepada **pembinaan negara bangsa Malaysia yang lebih kukuh dan bersatu.**

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

15. Akhir kata, saya menyeru kepada semua peserta agar **memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang diperolehi sepanjang pelaksanaan Program GRIP Peringkat Kebangsaan.** Jadikanlah pengalaman menyertai program GRIP sebagai **satu titik permulaan kepada usaha yang lebih luas untuk membudayakan perpaduan dalam kehidupan seharian.**
16. Pembinaan generasi yang memahami, menghormati,

menerima dan merayakan kepelbagaian merupakan tanggungjawab bersama yang perlu kita dukung secara berterusan.

Maka dengan ini, sukacitanya **saya merasmikan penutupan Program Gerak Integrasi Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.**

Sekian, Terima Kasih.